

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Presiden Taitama Tolman dan Sister Tanya Tolman: Dipanggil untuk Melayani dalam Misi Singapura 2022-2025



Pada 7 Januari 2022, 164 pemimpin misi baharu telah dipanggil untuk melayani oleh Presidensi Utama Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.¹

Di antara mereka, dipanggil dan ditugaskan untuk melayani dalam Misi Singapura ialah Presiden Taitama Tolman dan Sister Tanya Tolman. Mereka bermula pada 1 Julai 2022. Untuk tiga tahun akan datang, Tolman akan melayani dari Pejabat Misi yang dipindahkan di Pusat Daerah Kuala Lumpur (Malaysia) yang baru dibina.² Sebelum menerima panggilan baharu ini, dia melayani sebagai Presiden Daerah bagi kawasan Kuala Lumpur Malaysia Barat.

Malaysia telah menjadi rumah bagi keluarga Tolman sejak 2006 apabila Presiden Tolman mula bekerja di sana. Sebelum ini, dia bekerja di Singapura, Hong Kong dan Filipina. Tempoh lama keluarga ini di Malaysia telah menjadi pengalaman budaya yang kaya untuk mereka. Keluarga Tolman bersyukur dapat memberikan anak-anak mereka peluang pendidikan yang unik dan kehidupan yang luar biasa di Malaysia.

Mereka mengasihi orang di rantau ini dan melalui panggilan Gereja, peluang untuk melayani dan menyembah bersama para ahli dan bekerja dengan komuniti tempatan di Malaysia telah menjadi berkat yang sangat berharga.

Menerima panggilan untuk melayani sebagai Presiden Misi Singapura adalah saat yang merendah diri dan penuh iman bagi mereka berdua.

Sister Tanya Tolman mengenang perasaan dan fikirannya semasa dia dan suaminya berbual dengan Presiden Henry B. Eyring, penasihat kedua kepada Presidensi Utama Gereja. Dia berkongsi, "Seluruh hidup dan dunia kami akan berubah bukan hanya untuk saya dan suami saya, tetapi juga untuk anak-anak dan keluarga kami. Ia adalah satu impian untuk melayani bersama sebagai sebuah keluarga dan saya tahu kami akan diberkati dengan bersatu dalam tujuan ini. Suami saya adalah batu rohani kami dan kami bersyukur untuk melayani bersama. Keluarga kami akan berkembang, apabila kami mengalu-alukan para misionari ini ke dalam rumah dan hati kami."

Dalam perbualan selama satu jam dengan Presiden Eyring, mereka menerima pengesahan dari Roh Kudus bahawa ini adalah panggilan daripada Tuhan dan sebagai sebuah keluarga berenam dalam misi, mereka akan diberkati dan dijaga oleh Tuhan.

Presiden Taitama Tolman mengenang beberapa bulan baru-baru ini ketika menghadiri pemindahan pejabat misi dari Singapura ke pusat daerah baharu di Malaysia. Dia menyatakan, "Memiliki pusat daerah rasmi kita sendiri dan yang pertama adalah berkat istimewa untuk perkembangan Gereja dan pekerjaan misionari di negara ini. Perpindahan pejabat misi ke Malaysia adalah satu tugas yang berat. Ia memerlukan banyak komunikasi dengan pejabat gereja Hong Kong, Singapura dan Malaysia. Kami akhirnya berjaya melakukannya dan tepat pada masanya untuk kami memulakan misi kami."

Dia seterusnya menambah, "Kami sangat berterima kasih kepada para bekas presiden misi dan isteri mereka atas pekerjaan besar yang mereka telah lakukan, dan atas sokongan baru-baru ini yang

diberikan kepada kami semasa kami memulakan panggilan kami untuk melayani orang ramai dan para Orang Suci di kawasan Misi Singapura.”

Presiden Taitama Tolman dilahirkan di Laie, Hawaii dan berketurunan Maori. Dia pernah tinggal di Hawaii, Utah dan New Zealand. Dia tamat pengajian dari Brigham Young University (BYU) Provo dalam Pengajian Antarabangsa dan Ekonomi, dan kemudiannya dengan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Bisnes (MBA) dari program bersama Universiti California Los Angeles dengan Universiti Nasional Singapura. Ketika muda dia melayani di Misi Paris, Perancis dari 1995 hingga 1997 di mana dia pertama kali bertemu Uskup Gérald Caussé yang ketika itu merupakan Presiden Pancang di kawasan itu.²

Pergaulannya dengan Uskup Caussé kekal sepanjang hayatnya dan ia menjadi pengaruh penting dalam kehidupan Tolman. Kehidupan teladan baik dan kesetiaan Uskup Caussé sebagai Orang Suci Zaman Akhir mengilhami keluarga Tolman dan dia menjadi teladan baik dalam membentuk kehidupan injil mereka ke arah kehidupan yang ditahbiskan sebagai pengikut Yesus Kristus. Keluarga Tolman sangat berterima kasih kepada keluarga Caussé atas pelayanan mereka selama bertahun-tahun yang telah memberikan harapan kepada Tolman dan menguatkan iman mereka sepanjang persahabatan.

Sister Tanya Tolman berasal dari Negeri Washington. Dia berketurunan Samoa dan belajar Sosiologi dan Pembangunan Bisnes Antarabangsa di BYU Provo. Tidak lama selepas itu, Sister Tolman tamat pengajian dengan MBA dan Sarjana dalam Tingkah Laku Organisasi dari Marriott School of Business, BYU Provo.

Pasangan Tolman bertemu di BYU dan mereka mempunyai empat orang anak. Anak sulung mereka memulakan kolej di Amerika dan tiga anak bongsu akan teruskan pelajaran di Malaysia semasa pelayanan ibu bapa mereka.

Mereka bersyukur untuk generasi keluarga mereka sejak tahun 1880-an yang dengan setia menepati perjanjian kudus mereka dan kekal teguh dalam injil Yesus Kristus dan sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Satu asas injil penting yang telah tertanam dalam kehidupan mereka ialah menguduskan hari Sabat. Keluarga Tolman percaya ini adalah aspek asas yang penting dalam membenarkan Tuhan dan Yesus Kristus menang dalam kehidupan mereka.

Rujukan dan nota:

¹ Newsroom, 7 Januari 2022 (Salt Lake City) and 24 Januari 2022 (Hong Kong). Siaran Berita, Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

² Pusat dan Pejabat Daerah Kuala Lumpur (Malaysia) yang baru dibina telah dibaktikan pada 24 April 2022 oleh Presiden Misi Leonard Woo. Ini adalah pusat daerah dan pejabat milik penuh pertama untuk gereja di Malaysia Barat. Ia juga akan berfungsi sebagai Pejabat Misi Singapura dari 2022 hingga 2025. Perpindahan pejabat misi adalah sementara.

³ Uskup Gérald Caussé kini melayani sebagai Uskup Utama bagi Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.